

**Pemimpin Hendaklah Tunjuk Teladan Terbaik, Pelihara Perpaduan Rakyat
Bernama
2 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengingatkan semua pemimpin kerajaan di pelbagai peringkat supaya menunjukkan teladan terbaik kepada rakyat bagi memelihara perpaduan yang dinikmati negara selama ini.

Muhyiddin, yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata setiap pemimpin perlu menunjukkan sikap terpuji dan memimpin rakyat berbilang kaum dengan baik dan seterusnya memacu kemajuan negara.

"Sebagai parti yang mendokong kerajaan, yang pimpin umat Islam dan masyarakat Malaysia, kita perlu jadi contoh. Kalau jadi contoh mesti tunjuk yang baik-baiklah, jangan bergaduh, jangan bersengketa, saling membantu," katanya pada majlis penyampaian sumbangan ihsan Ramadan dan Aidilfitri serta berbuka puasa Yayasan Pembangunan 1Malaysia Berhad (1MDB) di Masjid Salahuddin Al-Ayyubi, Wangsa Maju di sini.

Muhyiddin berkata tidak ada paksaan untuk mana-mana individu menjadi pemimpin, namun apabila mereka telah diangkat sebagai pemimpin, mereka harus bertanggungjawab terhadap amanah yang diberikan.

Timbalan perdana menteri berkata rakyat mestilah bijak memilih wakil yang membentuk kerajaan bagi meneruskan keharmonian negara.

"Suasana di Malaysia aman tenteram, makmur, hidup sejahtera tak ada pergolakan tak ada pertempuran, kerana adanya kebijaksanaan daripada rakyat yang memilih kerajaan yang bertanggungjawab.

"Tuhan yang tentukan segalanya tetapi manusia, pemimpin yang kita pilih bertanggungjawab mentadbir, mengurus menentukan dasar, mencorakkan cara hidup, memimpin dan membimbing rakyat jangan ada pergaduhan," katanya.

Selain itu, beliau turut menyeru rakyat supaya mengambil iktibar bulan Ramadan dan bersyukur dengan keberhasilan yang dikecapi negara berbanding negara-negara Islam lain di dunia.

"Di Malaysia suasananya, saat-saat menyambut Ramadan macam juga satu perayaan, dalam suasana harmoni, kita dapat meneruskan ibadat dengan tidak diganggu, dengan benda-benda yang boleh mengancam, kita hidup dalam selesa, tak ada pergolakan dan tak ada pertembungan kaum, ini semua adalah nikmat yang Allah kuniakan kepada kita," katanya.

Terdahulu, Muhyiddin turut menyampaikan sumbangan 1MDB dan Umno Wangsa Maju kepada sebahagian daripada 1,000 warga emas, anak yatim, orang kelainan upaya dan fakir miskin dari sekitar Wangsa Maju.

Beliau turut mengumumkan peruntukan RM200,000 bagi penambahbaikan masjid itu.

Selepas berbuka, Muhyiddin menunaikan solat Maghrib dan kemudiannya solat Isyak dan Tarawih berjemaah bersama penduduk sekitar.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685255>

